

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang dilakukan Kementerian di dalam membantu membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi menampung kesan pengangguran dijangka meningkat 17.1% atau bersamaan 610,500 orang penganggur berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia bertarikh 8 Mei 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana tuan sedia maklum, penubuhan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda JPPAM ini telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 September 2019 susulan daripada isu peluang pekerjaan dan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan belia pada masa itu. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada pihak Kerajaan, kluster perbankan dan penyelidikan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan peneraju industri.

SOALAN NO: 30

2. Untuk makluman tuan, KBS dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan tiga (3) kali mesyuarat pada tahun 2019 dan tahun 2020 bagi persediaan pelaksanaan mesyuarat JPPAM yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri seperti berikut :

(i) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peluang Pekerjaan Anak Muda (JTPPAM) Bil.1/2019 pada 17 November 2019;

(ii) Perbincangan di peringkat dalaman KBS telah diadakan pada 30 April 2020. Perbincangan tersebut antara lain telah membincangkan perkara-perkara berikut: keahlian dan TOR JPPAM, gerak kerja JPPAM dan cadangan kertas pembentangan JPPAM; dan

(iii) Mesyuarat penyelarasan Jawatankuasa Teknikal Peluang Pekerjaan Anak Muda (JTPPAM) Bil.1/2020 pada 12 Mei 2020.

3. Untuk makluman pihak tuan juga, mesyuarat bertarikh 12 Mei 2020 telah bersetuju supaya jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa induk dipengerusikan dan diurussetiakan secara bersama mengikut giliran. Mesyuarat tersebut juga telah bersetuju supaya jawatankuasa teknikal akan dilaksanakan pada 18 Mei 2020.

4. Walau bagaimanapun, susulan makluman YB Menteri Belia dan Sukan dalam Mesyuarat Pasca Kabinet KBS pada 13 Mei 2020 mengenai teguran oleh YAB Perdana Menteri berkaitan jumlah semasa jawatankuasa yang agak banyak, KBS 2 diminta untuk menangguhkan mesyuarat jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa induk ke suatu masa yang ditentukan kelak.

5. Dimaklumkan bahawa KBS sedang meneliti semula status Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda (JPPAM). Di antara perkara yang disyorkan ialah supaya KBS mengangkat semula Memorandum Jemaah Menteri bagi pembatalan penubuhan JPPAM dengan menyerapkan fungsinya ke dalam Jawatankuasa Pembangunan Belia (JKPB). Jawatankuasa ini akan memastikan pelaksanaan inisiatif

SOALAN NO: 30

pembangunan belia lebih teratur dan tersusun secara efektif bagi membentuk kedinamikan pembangunan, penyerlahan potensi dan serta peluang baharu untuk golongan belia secara bersepadu antara kementerian/agensi yang terlibat. Secara rasionalnya, fungsi JPPAM boleh dibincangkan dalam mesyuarat JKPB. KBS sebagai urus setia JKPB boleh menjadikan isu pengangguran dan peluang pekerjaan belia pasca COVID-19 sebagai agenda utama dan membincangkan inisiatif yang sedang/telah dilaksanakan bagi mengatasi isu tersebut; dan

6. Sehubungan itu, KBS masih belum menerima keputusan daripada Pejabat YB Menteri berkenaan hala tuju JPPAM untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.